

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DR. ONG KIAN MING

TARIKH: 17 JUN 2015

SOALAN:

**Dr. Ong Kian Ming [ Serdang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan permit pekerja asing yang diberikan kepada pekerja-pekerja Korea Utara dan sama ada ini adalah melanggar Konvensyen Buruh Paksa ILO.

PR-1332-L68121

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Permohonan untuk menggaji pekerja bukan pemastautin daripada Republik Rakyat Demokratik Korea (DPRK) telah diluluskan oleh Jawatankuasa Lokalisasi Bagi Pekerja Bukan Pemastautin Yang Lain yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja dalam sektor tertentu di negeri ini. Jawatankuasa ini bertindak sebagai *one stop committee* di mana ahlinya terdiri daripada wakil agensi-agensi yang berkaitan untuk mempertimbangkan sebarang permohonan daripada majikan.

2. Permohonan dipertimbangkan berdasarkan garis panduan, polisi dan dasar sedia ada yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak mengenai penggajian pekerja bukan pemastautin. Mesyuarat dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak.

3. Permohonan untuk merekrut pekerja dari DPRK dipertimbangkan berdasarkan '*case to case basis*' bagi majikan yang terlibat dengan pembangunan projek yang ada kepentingan Kerajaan serta yang memerlukan kepakaran tertentu bagi projek yang dikendalikan.

4. Mengikut *Standard Operating Procedures (SOP)* Jabatan Tenaga Kerja, Sarawak, semua majikan yang berminat menggaji pekerja dari luar Negara wajib mengambil tiga tindakan seperti berikut sebelum permohonan boleh dipertimbangkan bagi tujuan untuk memberi keutamaan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

- (a) mengiklankan kekosongan jawatan dalam surat khabar tempatan pada hari Ahad;
- (b) mengiklankan jawatan kosong dalam Portal *Jobsmalaysia* dan juga radio tempatan; dan
- (c) mengadakan temuduga terbuka di Pejabat Tenaga Kerja yang terdekat dengan tempat pekerjaan.

5. Sekiranya setelah mengambil langkah-langkah di atas, pihak majikan masih tidak berjaya merekrut pekerja tempatan yang layak atau mencukupi bagi mengisi jawatan kosong berkenaan, barulah pihak majikan boleh mengemukakan permohonan untuk menggaji pekerja asing.

6. Maklumat mengenai pengambilan pekerja dari Republik Rakyat Demokrat Korea (Korea Utara) di Sarawak adalah seperti berikut:-

<b>Bil.</b>	<b>Nama Syarikat/Tempat Pekerjaan</b>	<b>Sektor</b>	<b>Kelulusan Mengikut Jawatan dan Bilangan</b>	<b>Baki pekerja yang digaji</b>
1.	Silantek Resources Sdn Bhd., Batu 81, Jalan Sri Aman/Serian, Pantu, Sri Aman	Arang Batu	Senior Coal Miner 100 Orang	43
2.	Soonhup Construction Sdn Bhd., Lot 5271,(P/L 61),73,74, 4926 ,4920 -4923, (P/L 49), Lot 4924, Blok 225,KNLD, Jalan Batu Kawa, Kuching	Pembinaan bangunan	Pekerja Pertukangan Pembinaan 49 Orang	47
3.	TFH Construction Company d/a UNIMAS Hostel, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Kota Samarahan	Pembinaan bangunan	Pekerja Pertukangan Pembinaan 70 Orang	69

<b>Bil.</b>	<b>Nama Syarikat/Tempat Pekerjaan</b>	<b>Sektor</b>	<b>Kelulusan Mengikut Jawatan dan Bilangan</b>	<b>Baki pekerja yang digaji</b>
4.	Idaman Prima Sdn Bhd., d/a Bau Chung Hua School Lot 592, Lease 9599 & 1138, Jalan Lee Khoi Choo, Bau Town District, Bau	Pembinaan bangunan	Pekerja Pertukangan Pembinaan 129 Orang	128
		<b>Jumlah</b>	<b>348</b>	<b>287</b>

7. Jabatan Tenaga Kerja Sarawak akan mengeluarkan Lesen Penggajian di bawah Seksyen 119, Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76) untuk menggaji pekerja-pekerja bukan pemastautin setelah permohonan diluluskan oleh Jawatankuasa Lokalisasi Bagi Pekerja Bukan Pemastautin Yang Lain dan juga setelah diluluskan tapisan keselamatan oleh pihak Polis DiRaja Malaysia.